



TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. DATO' TPr MOHD ANUAR BIN MAIDIN
KETUA PENGARAH
PLANMalaysia

SEMPENA

PROGRAM *EXECUTIVE TALK* PLANMalaysia
BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

TARIKH : 12 Jun 2020 (Jumaat)

MASA : 10.00 pagi

TEMPAT : Dewan Kristal
Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan
(Program dilaksanakan secara Video Conference (VC)
menggunakan aplikasi Skype For Business)

Bismillahir rahmanir rahim ...

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Bin
Abu Hassan**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

**Yang Berbahagia En. Muhammad
Razman Bin Abu Samah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Mary Wong
Lai Lin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berbahagia Datuk Azhar Bin Ahmad

Timbalan Ketua Setiausaha

(Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Yang Berbahagia Puan TPr Hjh Rohani

binti Md Hashim

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan),
PLANMalaysia

Yang Berbahagia Dato' TPr Dr. Zainah

binti Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan),
PLANMalaysia

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi serta
Setiausaha-setiausaha Bahagian di bawah
Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Pengarah-pengarah Bahagian,
PLANMalaysia

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan
hadirin yang saya hormati sekalian.

1. UCAPAN ALUAN

**Assalamualaikum WBT , Salam Sejahtera
dan Salam Aidilfitri.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah
S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan
keizinan-Nya dapat kita hadir bersama-
sama pada hari ini bagi menjayakan
Program *Executive Talk* bersama-sama
pihak pengurusan tertinggi Kementerian
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Izinkan saya terlebih dahulu untuk mengalu-alukan tetamu kehormat kita, **Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan**, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas kesudian hadir ke program pada hari ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk KSU kerana telah memberi ruang dan kesempatan kepada PLANMalaysia untuk mengadakan program ini kepada pihak pengurusan tertinggi KPKT dimana dengan kehadiran Yang Berbahagia Datuk KSU di dalam program ini amat dihargai khususnya oleh semua warga PLANMalaysia.

Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak PLANMalaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin kerana dapat

meluangkan masa untuk menyertai program *Executive Talk* pada hari ini serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, dan Unit Komunikasi Korporat, KPKT turut membantu dalam persiapan menjayakan program ini.

Untuk makluman YBhg. Datuk KSU dan para hadirin yang dihormati sekalian, selaras dengan cara kerja norma baharu, pada hari ini program *Executive Talk* bukan sahaja dilaksanakan secara fizikal di Dewan Kristal, KPKT, tetapi juga melibatkan beberapa platform pelaksanaan iaitu secara *Video Conference* bersama Ketua-Ketua Agensi di bawah KPKT, Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian PLANMalaysia. Selain itu, program ini juga dapat ditonton secara

live streaming melalui *Facebook* KPKT dan PLANMalaysia.

2. PROGRAM SEBARAN PERUNDANGAN

YBhg. Datuk KSU, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Program *Executive Talk* ini merupakan **salah satu *platform* bagi PLANMalaysia untuk berkongsi dalam melebar luas peranan dan fungsi Jabatan dan bidang perancangan bandar dan desa secara umum.**

Untuk makluman semua, PLANMalaysia telah bergerak aktif membuat sebaran dari masa ke semasa mengenai perundangan perancangan bandar dan desa khususnya panduan terkini kepada semua pihak

terutama kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Alhamdulillah, program ini merupakan kali kedua dilaksanakan kepada pihak pengurusan tertinggi KPKT yang mana pelaksanaannya telah dibuat pada **9 Ogos 2018** dan seterusnya pada hari ini, sekali lagi pihak Jabatan mengambil peluang dan inisiatif untuk mewar-warkan berkaitan fungsi dan peranan PLANMalaysia disamping memperkasakan pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] kepada barisan pengurusan tertinggi KPKT.

Selain KPKT, PLANMalaysia juga telah mengadakan program sebaran ini kepada pihak pengurusan tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Hasil daripada program ini telah mendapat maklum balas yang sangat positif dalam memahami dan mendalami secara jelas berhubung dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

Selain itu, inisiatif sebaran telah dilaksanakan juga kepada Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negeri di Semenanjung Malaysia di mana pada tahun 2019, telah diadakan program kepada Ahli-ahli Majlis di PBT Negeri Terengganu dengan

kehadiran seramai 190 orang dan Negeri Sembilan seramai 230 orang. Pada tahun ini, insyaAllah Jabatan akan melaksanakan program yang sama di Negeri Pahang, Kedah dan Perak.

3. 100 TAHUN SAMBUTAN PERANCANGAN BANDAR MALAYSIA

Ingin saya menarik perhatian para hadirin sekalian, pada tahun 2021 adalah merupakan **ulang tahun seabad perancangan bandar di Malaysia** iaitu bermula pada tahun 1921 hingga tahun 2021. Sehubungan itu, PLANMalaysia akan mengadakan **Sambutan 100 Tahun Perancangan Bandar Malaysia** melalui penganjuran pelbagai acara dan program bersempena hari bersejarah tersebut yang akan diadakan pada **bulan Februari 2021**.

Antara program dirancang adalah seperti *International Profesional Talk*, Slot Bual Bicara Malaysia Hari ini, Karnival 100 tahun profesion perancang bandar dan lain-lain lagi.

4. PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

PLANMalaysia sentiasa berusaha mempromosikan inisiatif-inisiatif perancangan bandar dan desa Negara di peringkat Antarabangsa. Perkara ini terbukti melalui penglibatan Jabatan di beberapa acara yang telah diadakan seperti:

- i. *Malaysia Urban Forum* (MUF) 2019 di KLCC pada Februari 2019.

- ii. *Seventh Asia-Pacific Urban Forum (APUF-7)* di Pulau Pinang pada Oktober 2019.
- iii. *National Planning Congress (NPC)* di Putrajaya pada November 2019; dan yang terkini adalah penglibatan PLANMalaysia di
- iv. *World Urban Forum (WUF) Ke-10* di Abu Dhabi, yang mana Jabatan telah terlibat dalam tiga (3) *Networking Event* berkaitan:
 - a. *Challenges in Implementing Sustainability Assessment for Cities Towards Achieving SDGs;*
 - b. *The Future of Urban Observatories and Inclusive Data System;* dan
 - c. *Smart Cities Hold The Key to Sustainable Urbanization - How*

Cultural Heritage Integrate Into The Smart City Environment.

Selain itu, PLANMalaysia juga turut menerima 17 lawatan daripada delegasi dalam dan luar negara pada tahun 2019 bertujuan untuk mempelajari dan memahami produk-produk perancangan yang diterbitkan oleh Jabatan. Justeru itu, usaha yang berterusan akan dirancang dan dipergiatkan pada masa hadapan bagi membina rangkaian kepakaran dan pusat tumpuan berkaitan perancangan bandar dan desa.

5. PERANAN DAN FUNGSI **PLANMalaysia**

YBhg. Datuk KSU, YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, PLANMalaysia memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga (3) peringkat kerajaan iaitu Persekutuan, Negeri dan tempatan seperti mana termaktub dalam Akta 172.

Di peringkat Persekutuan, PLANMalaysia merupakan agensi yang bertanggung jawab untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa. **Penubuhan Majlis**

Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada tahun 2003 juga telah memberi peranan dan fungsi kepada Kerajaan Persekutuan dan pelaksana untuk terlibat secara langsung dalam pembangunan perancangan khususnya bagi projek-projek berskala besar dan infrastruktur utama negara. PLANMalaysia juga terlibat dalam penyediaan garis panduan perancangan, disamping sebagai Pusat Data Geospasial Negara melalui i-PLAN dan *Malaysia Urban Observatory* (MUO).

Di peringkat Negeri pula, PLANMalaysia berperanan untuk memudahkan dan memantau pembangunan dalam Negeri dan PBT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pemajuan khususnya Rancangan Struktur Negeri.

Manakala **di peringkat tempatan** pula, peranan PLANMalaysia untuk membantu dan mengawalselia pelaksanaan-pelaksanaan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas dalam menyelaraskan dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah. Pada masa yang sama turut mengetuai OSC-OSC bagi mengurussetia dan mengawalselia proses Kebenaran Merancang.

6. PENYERTAAN SEMULA **PLANMALAYSIA DALAM KPKT**

Justeru, kemasukan semula PLANMalaysia ke KPKT akan memudahkan pelaksanaan dasar di peringkat persekutuan untuk diadaptasi diperingkat Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama dalam melaksanakan Agenda Pembangunan

Mampan, MURNInets, Bandar Selamat, Bandar Pintar dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, jalinan kerjasama dengan Bahagian Dasar dan Pembangunan, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan lain-lain bahagian dan agensi dalam kementerian akan terus dipertingkatkan agar bersama-sama membantu merealisasikan visi dan misi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

7. MEMUDAHCARA PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

PLANMalaysia telah memulakan **program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP)** sebagai salah satu Program Baharu Jabatan bertujuan untuk **memudahcara dan membantu agensi pelaksana projek** yang dikenal pasti di

dalam Rancangan-rancangan Tempatan melalui penyediaan libat urus bersama dengan *stakeholder*, analisis kesesuaian tapak secara terperinci. Kertas cadangan projek yang komprehensif akan diserahkan kepada agensi pelaksana sebagai **dokumen sokongan kepada permohonan peruntukan projek** daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri selaras dengan pekeliling EPU yang menekankan keperluan memastikan projek-projek yang dicadangkan ada disenarai dalam rancangan-rancangan tempatan yang telah diwartakan.

8. HARAPAN PLANMalaysia

YBhg. Datuk KSU dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman para hadirin sekalian, perkembangan perbandaran telah menjadi satu agenda penting bermula selepas merdeka sehingga kini. Sehubungan itu, peranan perancang bandar dan desa adalah penting dalam merancang dan merencana pembangunan negara. **Peranan PLANMalaysia juga semakin mencabar** selaras dengan peredaran semasa terutamanya dalam aspek perancangan dan pembangunan bandar.

Sehubungan dengan itu, PLANMalaysia perlu memastikan Akta 172 senantiasa relevan dan peka terhadap keperluan dan kebajikan rakyat terutama dalam memastikan keseimbangan pembangunan nasional dilaksanakan tanpa kompromi dengan aspek pengekalan alam sekitar.

Lanjutan dari itu, PLANMalaysia dalam proses membuat pindaan ke atas Akta 172. Sehingga kini Memorandum Jemaah Menteri berkaitan hala tuju cadangan pindaan Akta 172 telah diluluskan oleh mesyuarat Jemaah menteri dan kini menunggu arahan Peguam Negara untuk pembentangan di Parlimen.

Antara intipati dan fokus pindaan terkini Akta 172 adalah penambahbaikan ke atas perkara-perkara seperti;

- a) Penambahbaikan Fungsi Majlis Perancang Fizikal Negara dan Penubuhan Pusat Data Perancangan Negara;
- b) Kewajipan Untuk Menguruskan Data Perancangan;
- c) Pengawasan Perancangan;

- d) Fungsi Pengarah Negeri;
- e) Pindaan Laporan Perancangan Pemajuan dan Pelan Susunatur;
- f) Ketidakselarasan Berkaitan Penggunaan Tanah dengan Dokumen di Bawah Undang-undang Bertulis Lain; dan
- g) Penguatkuasaan Perancangan.

Untuk program *Executive Talk* hari ini akan mengkhususkan kepada pendekatan Akta 172 yang menjadi tunjang kepada perkhidmatan yang dijalankan oleh PLANMalaysia yang akan disampaikan oleh Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP) iaitu TPr Saidin bin Lateh.

9. KESIMPULAN

YBhg. Datuk KSU dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Akhir kata, diharapkan agar perbincangan dan perkongsian program pada hari ini dapat memberi gambaran dan penjelasan yang jelas di samping dapat bertukar-tukar pandangan dan bersama-sama menyelesaikan masalah-masalah yang timbul sekiranya ada, terutama yang berhubung dengan penggunapakaian dan pelaksanaan Akta 172.

Ucapan terima kasih sekali lagi kepada YBhg. Datuk KSU dan seluruh warga KPKT khususnya barisan pengurusan tertinggi serta penghargaan khusus kepada Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT atas

segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan untuk menjayakan program pada hari ini.

***Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***